

BISNES (/BISNES) » Korporat (/bisnes/korporat)
Rabu, 11 Oktober 2017 | 4:34pm



Cari Kata Kunci

Kongsi artikel

Share

([https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?](https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/10/335998/george-kent-siemens-kemuka-bidaan-projek-hsr)

[u=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/10/335998/george-kent-siemens-kemuka-bidaan-projek-hsr](https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/10/335998/george-kent-siemens-kemuka-bidaan-projek-hsr))

Tweet

([https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=George%20Kent-](https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=George%20Kent-Siemens%20kemuka%20bidaan%20projek%20HSR&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/10/335998/g)

[Siemens%20kemuka%20bidaan%20projek%20HSR&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/10/335998/g](https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=George%20Kent-Siemens%20kemuka%20bidaan%20projek%20HSR&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/10/335998/g)
kent-siemens-kemuka-bidaan-projek-hsr)

Share

([https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/10/335998/george-](https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2017/10/335998/george-kent-siemens-kemuka-bidaan-projek-hsr)
kent-siemens-kemuka-bidaan-projek-hsr)



PENGERUSI George Kent, Tan Sri Tan Kay Hock. - Foto Khairull Azry Bidin.

George Kent-Siemens kemuka bidaan projek HSR



Oleh Shahrizan Sallian

KUALA LUMPUR George Kent (Malaysia) Bhd bekerjasama dengan Siemens Group untuk membida tender Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura, menjadikannya pakatan pertama yang membuat bidaan bagi projek mega berkenaan.

Dalam satu kenyataan, George Kent berkata ia memeterai Perjanjian Pra-Konsortium bersama Siemens Aktiengesellschaft (Jerman) dan Siemens Pte Ltd (Singapura) atau secara bersama dirujuk sebagai Siemens pada 6 Oktober lalu.

Ia berkata, George Kent dan Siemens akan membentuk Pra-Konsortium Kejuruteraan, Pemerolehan dan Pembinaan (EPC) untuk mempersiapkan tawaran bersama peringkat EPC kepada syarikat tujuan khas (SPC).

"Konsortium akan membida bagi kerja membangun, membiayai, membina, operasi teknikal dan penyelenggaraan HSR.

"Perjanjian membolehkan pembabit syarikat di dalam projek HSR Kuala Lumpur-Singapura, yang akan menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset bersih syarikat pada masa hadapan," katanya kenyataan itu.

Unit Mobiliti Siemens menggabungkan semua perniagaan syarikat berpangkalan di Jerman itu dalam bidang pengangkutan penumpang dan kargo, termasuk rel, sistem automasi rel, sistem elektrik rel, teknologi trafik jalan, penyelesaian teknologi maklumat dan perkhidmatan berkaitan.

Anak syarikat Siemens itu menyediakan perkhidmatan rundingan, perancangan, kewangan, pembinaan dan operasi turnkey bagi sistem mobiliti.

Pengerusi George Kent, Tan Sri Tan Kay Hock, berkata HSR adalah salah satu projek paling berprestij dan sangat menjadi rebutan di dalam industri rel memandangkan ia projek rel berkelajuan tinggi rentas sempadan pertama di Asia Tenggara.

"George Kent gembira bekerjasama dengan Siemens, yang mempunyai salah satu trek rekod mengagumkan dalam menyiapkan dengan jayanya sistem rel berkelajuan tinggi paling selamat dan boleh dipercayai di dunia.